



## **PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**

(THE SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

(Diperbadankan di bawah Akta Parlimen NO. 409 Tahun 1968 / Law of Malaysia Act 409 1968)

Ruj.Kami : PPM-48(083)/2017  
Tarikh : 19 April 2017

Edaran seperti lampiran

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan,

### **BENKEL UNTUK MENGGUBAL SKIM LENCANA / LATIHAN ATAU KURIKULUM UNIT PENGAKAP LEBAH (BEE SCOUT) PERINGKAT KEBANGSAAN 1/2017**

Dengan segala hormat dan sukacitanya dimaklumkan Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) melalui Jawatankuasa Program Negara akan menganjurkan Bengkel untuk Menggubal Skim Lencana/Latihan atau Kurikulum Unit Pengakap Lebah (Bee Scout) peringkat Kebangsaan 1/2017 seperti ketetapan berikut :-

Tarikh : 5, 6 dan 7 Mei 2017 (Jumaat – Ahad)  
Masa melapor diri : 3.00 petang -- 5.30 petang (Jumaat)  
Tamat Bengkel : 2.00 petang (Ahad)  
Tempat : Dewan Templer, Ibu Pejabat  
Persekutuan Pengakap Malaysia  
Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur.

2. Tujuan bengkel ini adalah untuk menyediakan satu modul bersepadu yang akan mengambil kira modul-modul yang sedia ada dengan adunan baharu dengan penerapan nilai-nilai murni kepengakapan untuk kanak-kanak yang akan menyertainya.

ZUL / AZR Bengkel Menggubal Skim Lencana/Latihan atau Kurikulum Unit Pengakap Lebah (Bee Scout) 1/2017

3. Justeru itu, Jawatankuasa Program Negara telah mengambil ketetapan pada tahun ini beberapa bengkel untuk menggubal skim lencana/latihan atau kurikulum Unit Pengakap Lebah akan dijalankan secara berperingkat dalam usaha bagi menyiapkan skim tersebut. **Empat bengkel** dicadangkan bagi menyiapkan tugas tersebut. Setiap bengkel akan dihadiri oleh mereka yang berpengalaman dalam bidang kepengakapan, pendidikan pra-sekolah dan pendidikan secara umum dan wakil dari PPM Negeri-negeri.

4. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Tuan, Jawatankuasa Program Negara, PPM setakat ini telah mengadakan dua mesyuarat khas pada tahun 2016 bagi menentukan tugas-tugas **preamble** dan hala tuju tindakan Jawatankuasa Program Negara dalam hal ini.

5. Bengkel-bengkel yang dirancangkan ini akan bermula dengan membentuk objektif-objektif pembelajaran skim lencana/latihan Unit Pengakap Lebah dan seterusnya membina aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan unit tersebut. diantaranya adalah seperti berikut;

- Membina objektif-objektif pembelajaran yang bersesuaian dengan Unit Pengakap Lebah.
- Membina aktiviti-aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan objektif-objektif pembelajaran yang telah disenaraikan.
- Merancang satu plan tindakan selepas terbentuknya Skim Lencana/latihan bagi PPM untuk pelaksanaan Unit Pengakap Lebah pada masa hadapan.
- menulis dan menyiapkan skim lencana /latihan Unit Pengakap Lebah.

6. Sehubungan dengan itu dipohon YBhg. Dato'/Datuk/Tuan dapat mengenalpasti dan menghantar **seorang (1)** Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri / Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negeri yang berpengalaman dalam bidang kepengakapan, pendidikan pra-sekolah dan pendidikan secara umum untuk bersama-sama di dalam bengkel yang telah dirancangkan ini.

Segala kerjasama, keprihatinan dan sokongan dari YBhg. Dato'/Datuk/Tuan dalam menjayakan bengkel yang telah dirancangkan ini, amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN”**

Yang menjalankan tugas  
Persekutuan Pengakap Malaysia,



**DATO' RAJA RUSLAN BIN RAJA SAMAH**  
Ketua Pegawai Eksekutif

s.k : YBhg. Tan Sri Dato' Seri Paduka Ketua Pengakap Negara  
YBhg. Mej. Jen. Prof. Dato' Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara  
Ketua Pegawai Operasi, PPM  
Setiausaha Eksekutif Kewangan  
Penolong Setiausaha Eksekutif Program  
Fail

Ruj.Kami : PPM-48 (088)/2017  
Tarikh : 12 April 2017

**LAMPIRAN -1**

**YBhg. Datuk Dr. Haji Awang Zainie bin Haji Suntim**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah

**YBhg. Tuan Haji Ishak bin Mohd Jonid**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor

**YH. Dato' Haji Lias bin Mohd. Noor**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pahang

**YBhg. Tuan Haji Yaacob bin Abdul Karim**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor

**YBhg. Tuan Haji Zulkafli bin Kamaruddin**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang

**YBhg. Tuan Haji Ahmad Azam Shah bin Abd. Majid**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perak

**YBhg. Encik Hamdan bin Haji Mohd Nor**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sembilan

**YBhg. Encik Mohd Radzi bin Johari**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri KLM/IPGM/KPM

**YBhg. Encik Hong Heng Chee**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Labuan

**YBhg. Encik Mohd Zamir bin Mohd Sharif**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Melaka

**YBhg. Tuan Haji Che Soh bin Muda**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Terengganu

**YBhg. Prof. Madya. Dr. Abdul Rashid bin Mohamad**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri K.L.K.M

**YBhg. Encik Sudaryo bin Osman**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak

**YBhg. Tuan Haji Aminuddin Bin Mohamad**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kelantan

**YBhg. Tuan Haji Mohd Nizar bin Yusoff**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kedah

**YBhg. Encik Azmi bin Abdullah**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perlis

**YBhg. Datuk Haji Zakran bin Abdul Manan**  
menjalankan tugas  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur